

Aliran maklumat komponen penting kesan wabak berbahaya

S EJAK 2000, Asia sudah menyaksikan kemunculan sebilangan penyakit baru yang mengancam umat manusia.

Asia menyaksikan wabak besar Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), Selesema Burung dan Japanese Encephalitis selain ancaman sedia ada daripada penyakit seperti HIV/Aids.

Walaupun rantau berkenaan meramal-kan akibat terburuk, ia berjaya mengawal penyakit itu dan juga bilangan kematian. Tetapi, kerugian dari segi ekonomi dan kemusnahan sosial amat besar.

Selepas setiap wabak besar, kerajaan di Asia nampak semakin bijak dalam menangani krisis kesihatan, tetapi orang ramai masih terdedah kepada penyakit baru dan kemunculan semula penyakit lama yang lebih berbahaya.

Persidangan Antarabangsa mengenai Pengurusan Maklumat Berhubung Krisis Kesihatan yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini menunjukkan kebanyakan negara bersedia dengan pelan kecemasan masing-masing menerusi aliran maklumat, dilihat sebagai komponen penting dalam menangani masalah itu.

Persidangan itu yang dianjurkan Kementerian Penerangan di bawah naungan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) juga mendedahkan kaedah komunikasi unik diamalkan setiap negara.

Apabila penyakit ini muncul buat pertama kali, kebanyakan kerajaan tidak tahu apa yang sedang berlaku dan menafikan sebarang laporan mengenainya. Mereka menyetepikannya dengan menganggap ia sebagai perkara remeh.

Bagaimanapun, hal itu bertambah keruh kerana ego politik, ketelusan yang kurang dan rasa kluatir laporan media secara keterlaluan boleh menimbulkan panik dan huru-hara. Oleh itu sebarang komunikasi mengenai penyakit pada masa itu boleh dikatakan berada pada tahap paling minimum.

Ekoran kerugian besar dari segi ekonomi dan rasa kluatir yang memuncak di kalangan penduduk, kerajaan di negara Asia mula mengubah strategi. Aneh sekali maklumat disekat selama ini, kini dijadikan alat berkesan dalam meredakan rasa takut dan mengawal penyakit itu.

Secara ringkas, menyampaikan maklumat dari awal lagi kepada orang ramai menunjukkan kepemimpinan dan menempatkan isu itu dalam perspektif seperti ditunjukkan seorang perunding risiko daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Jo Ellen Warner.

Pengajaran yang diterima oleh negara yang menyaksikan wabak penyakit itu, khususnya di Asia, memberikan sedikit penjelasan perubahan dalam strategi ini.

China, dengan penduduk lebih dua bilion, menjadi negara pertama mangsa SARS lewat 2002. Pada mulanya ia berdiam wabak itu yang tercetus di Wilayah Guangdong. SARS kemudian merebak ke Hong Kong, Taiwan, Vietnam, Kanada dan Amerika Syarikat dengan China dibidas oleh masyarakat antarabangsa kerana gagal mendedahkan kejadian wabak itu dengan kadar segera.

China dengan segera menarik balik beberapa sekatan terhadap saluran maklumat milik negara untuk memaklumkan kepada rakyatnya dan juga dunia akan kejadian krisis kesihatan. Ia juga mewujudkan pelan tindakannya dalam menguruskan maklumat. Sebanyak 4439 kes SARS direkod pada peringkat global bersama 263 kematian.

Pada lewat 2003 China sekali lagi berdepan krisis kesihatan, kali ini selesema burung yang melanda beberapa bahagian negara itu.

Pengajaran daripada SARS, membolehkannya bertindak segera dan juga dengan ketelusan lebih tinggi.

Ma Yangchen, seorang pegawai di Kementerian Kesihatan China, membuktikan hakikat ini apabila beliau menyenaraikan pelan komunikasi menyeluruh yang diwujudkan kerajaan negaranya.

Beliau menunjukkan bahawa sementara pihak berkuasa cuba mengekang wabak itu, kerajaan, melalui semua saluran maklumat, juga mendidik orang ramai bahaya dan bagaimana untuk mengelakkan jangkitan.

Sehinggakan pengumuman mengenai penyakit itu dibuat dalam kereta api, sekolah dan tempat di mana orang ramai berkumpul.

Nampaknya usaha itu berhasil dan China diisytiharkan bebas daripada kedua-dua wabak itu dalam tempoh singkat dan juga kadar kematian dicatatkan adalah rendah.

Indonesia, negara dengan bilangan penduduk paling ramai di Asia, juga terselamat daripada ancaman SARS dan selesema burung.

Sementara itu Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican, menunjukkan kejayaan Malaysia dalam memerangi penyakit baru itu dan cabaran dalam memaklumkan kepada orang ramai akan perkembangan penyakit berkenaan.

Beliau juga membawa perhatian kepada hakikat yang maklumat daripada sumber tunggal adalah penting untuk meyakinkan orang ramai bahawa penyakit itu terkawal. Kenyataan bercanggah ataupun percanggahan dalam angka bukan saja menimbulkan kekeliruan, malah membuka ruang bagi spekulasi dan khabar angin seperti berlaku pada awalnya di Malaysia.

Untuk mengelakkan keraguan seperti ini, persidangan itu merumuskan Garis Panduan Kuala Lumpur bagi amalan terbaik dalam menguruskan maklumat ketika krisis kesihatan. – Bernama